

IKLAN JAWATAN KOSONG



Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** (Jawatan Pentadbiran) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu**.

JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA					
1.	PEMBANTU KEMAHIRAN	H19	PEMBANTU KEMAHIRAN	RM 1,377.00	RM 4,052.00

1. PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19 (BIDANG AWAM)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) Warganegara Malaysia
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,377.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,435.12); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,435.12); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,493.24); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,493.24)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam, Pembantu Operasi, Pemandu Kenderaan, Pemandu/Operator Jentera Pemungkah dan Penghantar Notis adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) Had umur pelantikan:
- (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PERINGATAN KEPADA PEMOHON

1. Pemohon mestilah mereka yang benar-benar ingin mengisi kekosongan jawatan Awam di UiTM Cawangan Terengganu dan mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Terengganu.
2. Pemohon yang mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan akan disenaraihitam dan boleh diambil tindakan undang-undang.
3. Had umur pemohon bagi lantikan terus hendaklah tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
4. Had umur calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan Badan Berkanun adalah tidak melebihi 50 tahun. Manakala had umur calon yang memohon bagi kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL), adalah tidak melebihi 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan Badan Berkanun MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN.
6. Pilih kelayakan akademik yang sesuai dengan jawatan yang diiklankan sama ada SPM/SVM/STPM/STAM/KPSL/DIPLOMA/IJAZAH SARJANA MUDA. Kelayakan ini akan menentukan jawatan-jawatan yang anda layak memohon.
7. Setiap permohonan MESTILAH disertakan dengan SALINAN DOKUMEN berikut:
 - Salinan Kad Pengenalan
 - Salinan Sijil SVM (mengikut syarat kelayakan jawatan) atau
 - Salinan Sijil SPM dan SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) TAHAP 2/3 (mengikut syarat kelayakan jawatan)
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji

Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.

DAN SEKIRANYA BERJAYA KE SESI TEMU DUGA, PEMOHON PERLU MENYEDIAKAN:

- Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan / Badan Berkanun/ separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
 - Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun berturut-turut (penjawat awam)
8. Borang / dokumen yang tidak lengkap, tidak jelas dan kabur tidak akan diproses.
 9. Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan serta melepasi tapisan yang ditetapkan akan dipanggil temuduga.
 10. Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak Universiti selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a) Seorang pemohon hanya boleh memohon untuk **SATU** jawatan yang diiklankan sahaja.
- b) Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Pentadbiran (BORANG PERJAWATAN UiTM 76/13 (III) Pindaan 8/2006) (Jawatan Pentadbiran)** yang boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Terengganu di <https://terengganu.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=197>
- c) Tarikh tutup permohonan adalah pada **18 Januari 2023 (Rabu)**
- d) **Sila kemukakan borang permohonan dan salinan dokumen (PDF) melalui pautan berikut:** <https://forms.gle/grspP1SAff5U2neR8>

Nota penting: Permohonan secara atas talian sahaja. Dokumen asal tidak perlu dipos.

- e) Sebarang pertanyaan berkaitan iklan boleh hubungi:

Bil.	Kategori Permohonan	No. Telefon
1.	Jawatan Staf Pentadbiran	09-8400 117

Bil. Rujukan : 500-UiTMKD (PT.19/2)
 Bil. Iklan : 1/2023
 Tarikh : 04 Januari 2023

Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.